SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2015 Bahasa Melayu Penggal 1 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nama: ..... Tingkatan: .....

910/1 **STPM 2015**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
(Dua jam)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM PENGGAL 1 2015

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab **semua** *soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan* **satu** *soalan Bahagian C.*

Ada **dua puluh** *soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan. Pilih* **satu** *jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C pada helaian jawapan. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Koyakkan muka hadapan kertas soalan ini dan ikatkan bersama-sama dengan helaian jawapan bagi Bahagian B dan Bahagian C.

Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
21	
22	
23	
24	
Bahagian C	
25	
26	
27	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 11 halaman bercetak.

@Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu 2014/15

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah istilah 'Melayu' yang merujuk kepada etimologi?

I Malaya
II Mo-lo-yu
III Malayapura
IV Malaya dvipa

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

2 Yang manakah faktor perkembangan pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu kuno?

A Bahasa Sanskrit merupakan bahasa agama.
B Bahasa Sanskrit mempunyai status yang tinggi.
C Bahasa Sanskrit boleh menyaingi pengaruh bahasa Jawa kuno.
D Bahasa Sanskrit digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat.

3

- Berbentuk sajak
- Menggunakan huruf India
- Ditemui pada zaman praklasik

Pernyataan di atas merujuk kepada batu bersurat di
A Gandasuli
B Karang Brahi
C Pagar Ruyung
D Padang Lawas


4 Pernyataan yang benar tentang bahasa Melayu klasik ialah

I ditulis dalam hurug Kawi
II banyak meggunakan ayat aktif
III sering menggunakan bahasa dalam
IV banyak menggunakan ayat songsang

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

5



X dan *Y* dalam carta di atas merujuk kepada perancangan

A taraf dan korpus bahasa
B taraf dan sistem bahasa
C fungsi dan sistem bahasa
D fungsi dan bahan bahasa

6

	Tokoh
I	Raja Ali Haji
II	Abdullah Munsyi
III	Zainal Abidin Ahmad
IV	Mohammad Said Haji Sulaiman

	Karya
P	Ilmu Mengarang Melayu
Q	Kitab Pengetahuan Bahasa
R	Syair Singapura Terbakar
S	Jalan Bahasa Melayu

Yang manakah padanan yang betul antara tokoh dengan karyanya?

	I	II	III	IV
A	*R*	*P*	*S*	*Q*
B	*P*	*S*	*Q*	*R*
C	*Q*	*R*	*P*	*S*
D	*R*	*Q*	*S*	*P*

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

11

- Depan lidah diturunkan serendah-rendahnya
- Lelangit lembut terangkat rapat ke belakang tekak
- Udara dikeluarkan melalui rongga mulut tanpa sekatan
- Kedudukan bibir berada dalam keadaan yang terhampar

Pernyataan di atas merupakan cara untuk menghasilkan bunyi

A vokal depan luas
B vokal depan sempit
C vokal depan separuh luas
D vokal depan separuh sempit

12 Yang manakah kumpulan perkataan yang terdiri daripada vokal *e-taling*?

A	perang	teruk	mekar
B	semak	leher	jeruk
C	peka	telor	hebah
D	renek	opera	Pekat

13 Pilih padanan perkataan yang menepati jadual di bawah.

	Vokal rangkap	*Konsonan rangkap*
A	bersaing	menggembleng
B	kepulauan	penstrukturan
C	berbau	menerangkan
D	kebaikan	pensijilan

14 Pilih pernyataan yang benar tentang bunyi sengauan.

I Terdapat halangan udara
II Merupakan bunyi bersuara
III Tidak boleh hadir pada akhir kata bahasa Melayu
IV Lelangit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

BAHAGIAN B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Statistik terbaharu tentang ketagihan rokok di negara ini begitu merisaukan apabila jumlah perokok meningkat kepada 4.7 juta orang pada tahun 2012 berbanding dengan 3.1 juta orang pada tahun 2007. Masyarakat umum sebenarnya tahu kesan ketagihan rokok kepada kesihatan. Selain meninggikan risiko seseorang untuk menghidap penyakit kardiovaskular, tabiat ini turut merosakkan sistem pernafasan hingga menyebabkan serangan sesak nafas bronkitis yang kronik.

Masalah ketagihan rokok menyebabkan banyak perokok amat sukar untuk berhenti daripada tabiat tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui pihak hospital ada menyediakan klinik khas untuk perokok berhenti merokok tetapi tidak banyak yang memanfaatkan khidmat ini. Sebaliknya, banyak perokok cuba beralih kepada rokok elektronik kerana menyangka bahawa rokok jenis ini tidak membahayakan mereka.

Rokok elektronik ciptaan seorang ahli farmasi China pada tahun 2000 mula dipasarkan di negara ini pada tahun 2004 sebagai satu rawatan untuk berhenti merokok. Rokok ini direka sedemikian rupa supaya bahan nikotin atau bahan kimia lain dapat ditukar dalam bentuk wap dan dapat disedut melalui mulut. Tahap keselamatan cecair nikotin di dalam katrij rokok elektronik sememangnya diragui. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepekatannya tidak konsisten. Selain itu, rokok elektronik juga mengandungi nitrosamina yang menyebabkan kanser. Hal ini menyebabkan tahap keselamatan rokok elektronik tidak dapat disahkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). KKM juga tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang menyokong penggunaan rokok elektronik sebagai satu daripada cara mengurangkan ketagihan dan cara berhenti merokok.

Percubaan untuk berhenti merokok perlu melibatkan kerjasama antara pengamal perubatan dengan pesakit. Tanpa motivasi tertentu perokok sukar untuk berhenti merokok. Mungkin perlu ada sesuatu yang berlaku kepada perokok hingga menyebabkan nyawa mereka terancam, seperti mendapat serangan penyakit jantung atau terkena penyakit sesak nafas barulah ada keinginan untuk berhenti daripada tabiat ini.

Di hospital kerajaan, ada klinik khas untuk berhenti merokok tetapi gantian nikotin seperti gula-gula getah dan ubat tampalan banyak digunakan kerana lebih mudah didapati. Ada ubat yang lebih

berkesan bagi mengawal tabiat merokok. *Varenicline* pula adalah antara ubat yang paling berkesan bagi mengawal tabiat merokok yang ada dalam pasaran. Ubat ini bertindak dengan memberikan saingan kepada nikotin dalam aspek rangsangan kepada reseptor yang meningkatkan kandungan dopamina. Perokok mungkin dapat berhenti daripada merokok selepas mengambil ubat ini selama seminggu atau sebulan.

(Dipetik dan diubahsuaikan
daripada *Rokok Elektronik Selamat?*
dlm. Dewan Kosmik, Nov. 2013, hal. 10 – 11.)

21 Apakah risiko yang dihadapi oleh perokok? [2]

22 Mengapakah rokok elektronik tiada jaminan keselamatannya? [4]

23 Apakah tindakan yang boleh dilakukan untuk membantu perokok berhenti merokok? [4]

24 Pada pendapat anda, apakah kekangan untuk mengawal tabiat merokok dalam kalangan masyarakat? [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

25 Pelbagai kempen dijalankan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang sesuatu perkara. Namun begitu, ada antara kempen yang dijalankan itu kurang berjaya mencapai matlamatnya. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan kempen yang dijalankan itu.

26 Pertumbuhan institusi pendidikan swasta di negara ini sejak belakangan ini dikatakan menimbulkan berbagai-bagai kesan.
Berikan penjelasan anda tentang kesan pertumbuhan pendidikan swasta di negara ini.

27 Ada pendapat yang mengatakan bahawa penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian mendatangkan pelbagai kebaikan kepada rakyat dan negara.
Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat tersebut.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar